

Institusi-institusi Islam

UICI 2042

Institusi Sosial

Sayed Mahussain bin Sayed Ahmad al-Idrus

Nurazmallail bin Marni



OBJEKTIF

- 1) Membincangkan konsep institusi sosial dari segi definisi dan keperluan hidup bermasyarakat.
- 2) Membahaskan asas pembentukan masyarakat Islam serta keistimewaan masyarakat Islam.
- 3) Menerangkan bentuk akhlak Islam dalam institusi kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial dalam sistem masyarakat Islam.

PENGERTIAN SOSIAL

- ❖ Perkataan *social* biasanya merupakan kata sifat bagi *society* manakala *social society* pula bermaksud perhubungan dalam masyarakat dan cara bagaimana masyarakat itu disusun tadbir (Wehmeier, 2000: 1225).
- ❖ Menurut Kamus Dewan (2005: 1519), sosial ialah segala yang berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan. Definisi masyarakat ialah kumpulan manusia yang hidup bersama (dalam suatu tempat dengan teratur dan cara tertentu).
- ❖ Sosial bermaksud suka mengambil berat tentang hal-hal masyarakat; bercampur, bergaul, dan bermesra dengan masyarakat. Justeru, institusi sosial merujuk kepada institusi kemasyarakatan.

- Perkataan masyarakat berasal daripada bahasa Arab “*musharakah*” yang membawa maksud perkongsian (Ibn Manzur, 1997: 448/10).
- Perkataan masyarakat yang digunakan dalam peradaban Melayu Islam merujuk kepada segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat, kemasyarakatan, berkaitan dengan persahabatan, pergaulan, dan aktiviti masa lapang, suka bergaul dan bermesra, dan berkenaan hal-hal kemasyarakatan, iaitu sama makna dengan sosial (*Kamus Dewan, 2005: 1004*).

KEPERLUAN HIDUP BERMASYARAKAT

- Dalam Islam, manusia berasal daripada satu keturunan, iaitu Nabi Adam a.s sebagaimana maksud hadis “*Semua kamu daripada Adam, sedangkan (Adam a.s) daripada tanah.*”
- Al-Quran menegaskan tentang hakikat keturunan manusia:
- *Wahai manusia ! Bertaqwalah kepada Tuhan yang menjadikan kamu daripada diri yang satu (Adam A.S.) dan menjadikan daripada (Adam) pasangannya (Hawa) dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, dan peliharalah hubungan dengan kaum kerabat kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati kamu. (Surah al-Nisa’, 5:1).*

- Allah menjadikan manusia mempunyai banyak keturunan supaya mereka saling berinteraksi dalam masyarakat dan menjaga hubungan sesama mereka. Hal ini demikian kerana agama Islam memandang tinggi kepada keperluan hidup bermasyarakat (Azrina Sobian, 2007).
- Allah S.W.T. berfirman:
“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah S.W.T. ialah orang yang lebih taqwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah S.W.T. Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu). (Surah al-Hujurat, 49:13)

MATLAMAT SOSIAL

- Bagi membolehkan masyarakat melaksanakan aktiviti mereka untuk mencapai atau memenuhi keperluan rohani @ jasmani.
- Manusia dari satu keturunan ada persamaan sifat fizikal. Berasaskan hakikat ini Islam membina sistem hidup dan dasar kemasyarakatannya yang tersendiri sesuai dengan fitrah kejadian manusia (mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. dan sebagai pemegang amanah/Khalifah Allah di muka bumi).

ASAS-ASAS PEMBENTUKAN MASYARAKAT ISLAM

IKATAN IMAN

IKATAN AKHLAK

**IKATAN SYARIAH
(PERUNDANGAN)**





IKATAN IMAN

- ☞ **Segala peraturan & sistem tidak dapat lari daripada soal kepercayaan (keimanan).**
- ☞ **Iman adalah dasar kehidupan manusia. Hidup tidak bererti tanpa keimanan.**
- ☞ **Orang yang beriman kepada Allah dan terima segala petunjuk Rasullulah sebagai sistem dan cara hidup tidak akan menilai sesuatu berdasarkan keturunan, warna kulit, bangsa, bahasa, budaya, miskin-kaya, berpangkat atau tidak berpangkat, timur atau barat dan sebagainya.**

IKATAN IMAN

- ✿ Takwa adalah lambang kelebihan dan kemuliaan manusia.
- ✿ Persaudaraan yang diikat dengan asas iman akan membentuk suatu hubungan yang kukuh antara umat Islam.
- ✿ -Sifat orang yang beriman kepada Allah S.W.T. dan menerima segala ajaran Rasul S.A.W.
- ✿ -Asas penilaian orang mukmin ialah nilai iman dan taqwa.

IKATAN SYARIAH

- 
- ❖ Manusia perlu hidup berperaturan dan mengikut ketetapan Allah demi kestabilan alam.
 - ❖ Syariat Islam ialah undang-undang Allah yang diturunkan bagi mengatur setiap urusan manusia.
 - ❖ Keupayaan manusia adalah terbatas, perlu kepada syariat & petunjuk Ilahi untuk kesempurnaan hidup.
 - ❖ Tujuan syariat yang utama ialah memelihara akal, nyawa, keturunan, harta benda, dan agama daripada salahguna.
 - ❖ Syariat Islam yang terkandung dalamnya keadilan dan peraturan adalah bertujuan untuk mengikat seluruh manusia dalam satu ikatan perundangan suci.
- 
- 
- 

5 PRINSIP ASAS SYARIAT

- **AGAMA** = (larangan murtad & prinsip bebas beragama)
- **NYAWA** = (hukum qisas, hudud & takzir)
- **AKAL** = (pengharaman arak)
- **KETURUNAN** = (pengharaman zina & galakan bernikah)
- **HARTA** = (kewajipan zakat & jizyah)

IKATAN AKHLAK

→ **Asas pembentukan masyarakat bertamadun.**


→ **Membentuk masyarakat yang kuat dan berfungsi serta mewujudkan masyarakat yang adil, makmur, dan penyayang.**

→ **Dengannya terbina masyarakat yang benar-benar bersatu tanpa sebarang syak wasangka, hasad-dengki, pilih kasih, perbezaan kulit dll.**

→ **Pembentukan masyarakat yang adil tanpa kezaliman dan diskriminasi.**

→ **Kedudukan mulia manusia tidak kekal, akan jatuh ke kedudukan hina jika tidak memelihara sifat kemanusiaan dan akhlaknya.**

CIRI-CIRI KEISTIMEWAAN MASYARAKAT ISLAM



(1) BERSUMBERKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH



(2) BERASASKAN NILAI KEADILAN



(3) BERASASKAN NILAI AKHLAK



(4) BERASASKAN NILAI KASIH SAYANG



(5) BERASASKAN NILAI KEBEBASAN DAN PERSAMAAN

Bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah

- Sumber rujukan penyusunan masyarakat Islam.
- Mengandungi segala nilai, dasar, prinsip dan pelbagai peraturan untuk kepentingan hidup manusia sejagat.
- Peraturan hidup yg bersendikan wahyu sentiasa terpelihara dan terjamin daripada sebarang bentuk pengaruh hawa nafsu dalam mewujudkan peraturan.
- Sistem masyarakat yg berdasarkan petunjuk Ilahi tidak akan mempunyai sebarang kecacatan kerana bersumberkan wahyu.
- Terjamin keselamatan manusia di dunia dan akhirat. Golongan yg mengikut nafsu akan sesat dan rugi di dunia dan akhirat.

Berasaskan Keadilan

Syariat Islam diturunkan untuk menegakkan keadilan dan memerangi kezaliman.

Banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi menyuruh manusia berlaku adil dalam semua perkara dan peringkat.

Dengan keadilan, perasaan tidak puas hati dan hasad dengki dapat dihapuskan.

Keadilan juga ditegakkan atas kebijaksanaan dan kemaslahatan.

- ➔ Mewujudkan masyarakat yang baik, bertamadun, aman dan harmoni.
- ➔ Masyarakat yang menghayati nilai-nilai akhlak yang terpuji biasanya dipuji, disanjung dan dikenali masyarakat bertamadun.
- ➔ Kedatangan Rasulullah S.A.W adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia yg sudah dipengaruhi oleh nilai-nilai akhlak jahiliyah.
- ➔ Islam menyeru manusia berakhlak supaya menyedari bahawa hidup bermasyarakat adalah lebih bererti dan bahagia daripada hidup menyendiri.

Berasaskan Kebebasan dan Persamaan

- ❑ Manusia dianugerahkan oleh Allah suatu keistimewaan, iaitu kebebasan untuk mengatur tingkah lakunya.
- ❑ sesiapa yang membuat pilihan berdasarkan Allah akan dapat ganjaran. Sebaliknya yang ikut nafsu akan dapat habuan nafsu dan dosa.
- ❑ kebebasan tidak boleh melampaui batas akhlak, akidah dan syariat. Kebebasan Islam termasuk kebebasan siyasah, berfikir, memiliki dan sebagainya.
- ❑ Islam melarang umatnya hidup berpuak kerana dianggap daripada jenis & keturunan sama. Persamaan dalam masyarakat Islam adalah merangkumi aspek akidah, akhlak dan syariat.

Berasaskan Kasih Sayang

- ★ Masyarakat Islam ditegakkan atas dasar kasih sayang (mahabbah) yang berterusan.
- ★ Islam menitikberatkan soal kasih sayang antara manusia sebagai tanda seseorang itu benar-benar beriman.
- ★ Sifat kasih sayang menjamin keutuhan masyarakat, sebaliknya sikap kezaliman, hasad dengki dan sebagainya ditentang hebat kerana akan memusnahkan masyarakat Islam.
- ★ Langkah pertama ialah perkahwinan kerana merupakan satu wasilah untuk mengikat kasih sayang antara suami dan isteri yang menjadi tonggak masyarakat (keluarga adalah unit terkecil dalam masyarakat).

BENTUK AKHLAK ISLAM DALAM BERMASYARAKAT

- Bentuk akhlak yang baik dalam kehidupan bermasyarakat merujuk kepada;
 1. keperibadian diri
 2. tanggungjawab dalam rangka hubungan dengan orang lain
 3. tanggungjawab terhadap alam dan haiwan.
- Terkandung dalam bentuk suruhan agar dilakukan dan larangan daripada melakukan.

AKHLAK DALAM BENTUK SURUHAN

- **berwajah senyum dan menggembirakan**
- **berusaha dalam perbelanjaan terhadap perkara yang baik**
- **menghalang perkara yang boleh menyakitkan orang lain**
- **sabar serta mampu menahan kemarahan**
- **suka memaafkan orang lain**
- **meninggalkan pertengkaran walaupun yakin dirinya benar**
- **menjauhi diri daripada berbohong**
- **bersyukur terhadap kebaikan yang diperolehi**
- **lemah lembut dalam perkataan dan perbuatan**
- **menjadikan saudara seislam sebagai saudara**

- **berlebih kurang dalam pergaulan**
- **baik hati**
- **tawaduk (merendah diri)**
- **tidak menzalimi orang lain**
- **menjaga atau membela kehormatan.**

AKHLAK DALAM BENTUK LARANGAN

- **tidak menzalimi orang lain**
- **tidak meninggi diri**
- **tidak membela diri sedangkan tahu di pihak yang salah**
- **tidak bakhil**
- **tidak bersangka buruk kepada orang lain**
- **tidak berhasad dengki**
- **tidak membenci orang lain**
- **tidak memalingkan muka kerana tidak suka**
- **tidak merasa gembira apabila seseorang ditimpa malapetaka**
- **tidak mencari keburukan orang lain dan mencemarkannya**

- tidak menjadi saksi palsu
- tidak bersumpah dengan sumpah palsu
- tidak menepati janji
- tidak khianati amanah
- tidak menyakiti sama ada dengan perbuatan atau percakapan
- tidak mengeluarkan kata-kata kesat
- tidak bertengkar dan bergaduh
- tidak mencela atau caci maki orang lain
- tidak mencaci ibu bapa orang lain atau mencaci keturunannya
- tidak mencaci orang yang telah mati


- **tidak melaknat seorang Muslim yang lain**
- **tidak memandang rendah kepada orang lain**
- **tidak memalukan orang lain terhadap dosanya yang dia telah bertaubat**
- **tidak menakut-nakutkan orang lain.**
- **tidak menfitnah seorang yang suci dengan tuduhan zina**
- **tidak menjadi pemecahbelah persaudaraan sesama Islam**
- **tidak mengumpat orang lain**
- **tidak menghalang laluan orang lain**
- **tidak menzalimi orang lain**

- **tidak memukul orang lain tanpa hak**
- **tidak memakan atau mengambil harta orang lain tanpa hak**
- **tidak meminjam barang tanpa izin**
- **tidak mengambil tanah orang lain**
- **tidak menipu orang lain**
- **tidak menghunus senjata antara sesama muslim melainkan dengan hak**
- **tidak membunuh tanpa hak**
- **tidak memanggil seorang muslim dengan panggilan ‘wahai kafir’.**

AKHLAK DENGAN MAKHLUK & ALAM

- **tidak mencaci-maki haiwan**
- **tidak mencaci-maki hujan**
- **tidak mencaci-maki angin.**

TANGGUNGJAWAB SOSIAL



TANGGUNGJAWAB SOSIAL

(1) Memelihara hak jiran

- Membentuk hubungan yang kuat.
- Membina sifat saling tolong-menolong, dan hormat-menghormati.
- Menghindari sifat buruk seperti fitnah, mengumpat, mementingkan diri sendiri dan sebagainya.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

(2) Memelihara hak individu

- hak milik harta benda dan kehormatan jiwa.
- harta dianggap hak milik seseorang dan tidak boleh diceroboh.
- Islam menghalang umatnya daripada menjadikan harta sebagai matlamat hidup yang utama.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

(3) Memelihara hak beragama

- tiada paksaan dan bebas pilih agama.
- rakyat masing-masing mengamalkan peraturan agama yang dianutinya.
- orang bukan Islam bawah pemerintahan Islam dapat menikmati kebebasan beragama.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

(4) Memelihara kehormatan

- memelihara kehormatan, maruah dan keturunan adalah dasar Islam.
- manusia yang beriman ialah manusia yang paling mulia di sisi Allah.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

(5) Memelihara keadilan

- Rasulullah S.A.W ialah orang pertama membentuk perlembagaan bertulis yang dikenali sebagai Sahifah Madinah.
- Perlembagaan/Piagam Madinah memperuntukkan kerajaan pusat berfungsi dalam menjamin keadilan dan keamanan tanpa menghakis kuasa, adat dan keistimewaan golongan tertentu.
- Rakyat dikenakan hukuman mengikut kesalahan yang dilakukan bukan mengikut kedudukan, warna kulit atau bangsa.